



# SIARAN MEDIA

## PERBADANAN TABUNG PENDIDIKAN TINGGI NASIONAL (PTPTN)

### “PTPTN DENGAR KEGUSARAN PEMINJAM”

1. Salah satu perkara yang saya umumkan semalam ialah pelaksanaan Potongan Gaji Berjadual (PGB) sebagai kaedah bayaran balik bagi peminjam-peminjam bermula Januari 2019.
2. Saya ambil maklum pandangan dan cadangan yang menyusuli pengumuman tersebut. **Saya mendengar kegusaran mereka dan saya bersedia mempertimbang rayuan daripada mereka yang memerlukan pertimbangan khas.**
3. Ada yang menyatakan bahawa mekanisme PGB adalah bertentangan dengan Perjanjian Pinjaman yang telah ditandatangani. Saya ingin nyatakan bahawa **melalui perjanjian yang mereka tandatangani tersebut, peminjam telahpun bersetuju untuk membuat bayaran balik mengikut apa-apa skim yang ditetapkan oleh PTPTN, termasuk potongan gaji melalui majikan.**
4. Ada juga yang memberi komen mengenai kuasa majikan untuk membuat potongan gaji. **Seksyen 29, Akta PTPTN 1997 telah memperuntukkan kuasa kepada PTPTN untuk mengarahkan majikan untuk melaksanakan potongan gaji ke atas peminjam.** Maka peruntukan undang-undang telah ada.
5. Akhirnya, saya ingin mengambil peluang untuk menegaskan bahawa kami sentiasa prihatin dengan keperluan rakyat. Dasar baru ini adalah bagi memastikan PTPTN dapat terus membantu generasi yang akan datang.
6. Kerajaan mempunyai pilihan adakah mahu memberi keutamaan kepada peminjam hari ini, atau memastikan kelestarian PTPTN supaya jutaan anak-anak kecil hari ini mempunyai dana untuk masuk IPT pada masa akan datang. Ini bukan keputusan mudah kerana ia membabitkan dua kelompok yang mempunyai keutamaan yang berbeza. Keputusan kerajaan ini saya yakin akan memastikan bahawa PTPTN lestari demi kebaikan anak-anak kita.

**Wan Saiful Wan Jan**  
**Pengerusi**  
**Perbadanan Tabung Pendidikan Tinggi Nasional**  
**06 Disember 2018**